

BAB I

PENDAHULUAN

A. Latar Belakang Masalah

Malaysia merupakan sebuah negara merdeka yang mengamalkan sistem demokrasi.¹ Untuk itu, ia menggalakkan wujudnya pelbagai parti politik.² Di antara parti politik yang terdapat di Malaysia ialah United Malays National Organization (UMNO), Malaysian Chinese Assotiation (MCA), Malayan Indian Congress (MIC), Independence for Malaya Party (IMP), Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA), Sarawak National Party (SNAP), United Sabah National Organization (USNO), Parti Gerakan

¹ Drs. Sukarna, *Sistem Politik*, Jakarta : PT. Alumni, 1981, hlm. 37. *Webster's New Collegiate Dictionary* mendefinisikan bahawa demokrasi berasal dari perkataan 'demos' dan 'cratein' (bahasa Yunani) yang bermaksud rakyat dan kekuasaan.

² *Ibid.*, hlm 89. Menurut Drs. Sukarna, parti politik ialah sekelompok manusia yang terorganisasi secara mantap dengan tujuan untuk menjamin dan mempertahankan pemimpin-pemimpinnya, tetap mengendalikan pemerintahan dan lebih jauh lagi memberikan keuntungan-keuntungan terhadap anggota parti baik keuntungan yang bersifat material mahupun spiritual.

Rakyat Malaysia (GERAKAN), Barisan Jamaah Islamiah Malaysia Bersatu & Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA), Sarawak United People's Party (SUPP), Parti Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO), Parti Negara Sarawak (PANAS)), Pesaka Anak Sarawak (PESAKA), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Hizbul Muslimin (HAMIM), Democratic Action Party (DAP), Social Democratic Party (SDP), Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Parti Nasionalis Malaysia (NASMA), Parti Bersatu Sabah (PBS), serta beberapa buah parti kecil yang lain.³

Jadual 1 : Parti-Parti Politik Awal Di Tanah Melayu (1945-1948)⁴

Nama Parti	Penubuhan	Pengasas
Angkatan Pemuda Insaf (API)	Feb 1946	Ahmad Boestamam
Angkatan Wanita Sedar (AWAS)	Feb 1946	Shamsiah Fakeh
Hizbul Muslimin (HAMIM)	Mac 1948	Abu Bakar al-Baqir
Malayan Indian Congress (MIC)	Ogos 1946	John Thivy
Pemuda Radikal Melayu (PRM)	Jan 1948	M. Mustaza
Parti Komunis Malaya (PKM)	Sebelum Perang	
Parti Nasionalis Malaya (PNM)	Okt 1945	Mokhtaruddin Lasso
Straits Chinese British Association	Sebelum Perang	
Ikatan Pemuda Tanah Air (PETA)	Sep 1947	Wahi Anwar
United Malaya National Organization (UMNO)	Mei 1946	Dato' Onn Jaafar

³ Pejabat Perhubungan PAS Pahang, *Parti-Parti Politik di Malaysia* (risalah yang belum diterbitkan) tanpa tahun. Barbara Watson dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London : The MacMillan Press, 1980. Khong Kim Hoong, "The Early Political Movements Before Independence", dalam Zakaria Hj. Ahmad (ed). *Government and Politics of Malaysia*, Singapura : Oxford University Press, 1987, hlm. 87.

⁴ Temubual penulis dengan Tuan Haji Abu Bakar bin Talib, bekas Setiausaha PAS Jerantut 1988-1998. Temubual dijalankan di pejabat beliau - Pro-Land Consultan, Tingkat 1 Bangunan Arked Mara Jerantut pada pukul 3.45 petang, 25 Disember 1999.

Disamping komponen Barisan Nasional (BN) yang bertindak sebagai parti yang memerintah, terdapat beberapa parti lain yang bertindak sebagai pembangkang. Di antara parti-parti pembangkang yang bertindak lantang dalam menyuarakan bantahan-bantahan mereka dalam konteks politik di Malaysia ialah PAS. Walaupun beraksi sebagai pembangkang, namun dengan terdapatnya pengaruh dalam hal-hal tertentu telah menyebabkan PAS mendapat sokongan besar rakyat di negara ini.

Di dalam Pilihanraya Umum Pertama 1955 contohnya, PAS berhasil memperolehi satu kerusi Parlimen di Kerian, Perak melalui calonnya Tuan Guru Haji Ahmad bin Tuan Husin. Selain itu, di dalam pilihanraya yang sama, PAS juga telah memenangi satu kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), pada masa itu disebut Dewan Perbandaran (DP) di kawasan Parit Buntar, Perak yang berada dalam daerah Kerian. Calonnya ialah Encik Ahmad Kamal yang berasal dari Kerian Laut.⁵

PAS juga pernah memperolehi sokongan besar di dalam sejarah Pilihanraya Umum Malaysia 1959. Di dalam pilihanraya tersebut, PAS berhasil memenangi majoriti kerusi Parlimen dan menguasai Dewan

⁵ Suruhanjaya Pilihanraya Persekutuan, *Election Report-1955*.

Undangan Negeri Kelantan (28 dari 30 kerusi) dan Terengganu (13 dari 24 kerusi) di tahun yang sama.⁶

Jadual 2 : Keputusan Pilihanraya Umum 1959 (Parlimen)⁷

Senarai Parti Yang Bertanding	Jumlah Kursi Parlimen Yang Dimenangi
Parti Perikatan	74
Parti Islam Se-Tanah Melayu	13
Parti Sosialis	8
People Progressif Party	4
Parti Negara	1
Parti Bebas	3

Menurut Badaruddin bin Haji Mat Salleh, faktor-faktor kemenangan PAS pada ketika itu adalah disebabkan oleh :

1. *Cita-cita politik Islam PAS dapat diterima oleh rakyat Kelantan dan Terengganu kerana mereka memandang tinggi kepada Tok-tok Guru dan para Alim Ulama yang menjadi calon.*
2. *Orang-orang UMNO sendiri tidak puas hati dengan Perikatan, yang memberikan kerakyatan kepada orang bukan Melayu dan hak-hak istimewa orang Melayu telah diabaikan.*⁸

⁶ Suruhanjaya Pilihanraya Persekutuan, *Election Report-1959*. Temubual penulis dengan Ustaz Baharin bin Mohamad, Setiausaha Jabatan Pilihanraya PAS Pahang 1999-2001. Temubual dijalankan di Masjid Kampung Peramu, Kuantan pada pukul 5.30 petang, 21 Disember 1999. Bachtiar Djamily, *Kenapa PAS Boleh Jadi PAS*, Selangor : Cerma Rafleswaty, 1976, hlm. 81.

⁷ Suruhanjaya Pilihanraya Persekutuan, *Election Report-1959*.

⁸ Badaruddin bin Haji Md. Salleh, *Sejarah Politik dan Perkembangan PAS*, Institut Teknologi Mara Shah Alam (artikel yang belum diterbitkan), 1 Nov 1977, hlm. 20. Temubual penulis dengan Ustaz Baharin bin Mohamad, 21 Disember 1999.

Disamping kegembiraan meraih kemenangan dalam pilihanraya tersebut, dari sudut lain PAS telah gagal menakluki negeri Kedah dan Perlis yang pada peringkat awalnya dijangkakan memperolehi kemenangan besar di kedua negeri tersebut. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor utama yang akan cuba dianalisa pada perenggan berikutnya.

Menurut Badaruddin Hj. Mat Salleh, PAS telah dituduh sehingga nama baik parti itu terjejas. Pihak UMNO telah menerbitkan salinan surat-surat dokumen yang mengesahkan bahawa pemimpin atasan PAS ada membuat hubungan sulit dengan Ibrahim bin Yaakob, bekas pemimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang melarikan diri ke Indonesia. Di Indonesia, beliau dikenali dengan nama Drs. Teuku Iskandar, rakan karib Sukarno. Salinan dokumen itu didapati mempunyai tandatangan lengkap tiga orang pemimpin atasan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang berpusat di Singapura dan telah diharamkan kegiatannya. Ketiga-tiga mereka terdiri dari Dr. Burhanuddin al-Helmi sebagai Penasihat, Tuan Taha Kalu sebagai Pemangku Yang Di Pertua dan Abdullah Zawawi sebagai Setiausaha Agung.⁹

Isi surat tersebut juga merangkumi maklumat gerakan PKMM, telah diserahkan kepada Ibrahim Yaakob yang pada ketika itu berada di

⁹ *Ibid.*, hlm. 22.

Indonesia bagi meneruskan perjuangan dan cita-cita PKMM. Dengan salinan surat dokumen ini, PAS dikatakan telah bersubahat dengan pihak Parti Komunis Indonesia (PKI).¹⁰

Isu kerjasama PAS dengan PKI telah disiarkan oleh surat khabar Warta Negara yang diterbitkan di Pulau Pinang yang bertajuk :

*"Sokongan Pemimpin Agung PAS Kepada Parti Komunis".*¹¹

Berita ini menjadi salah satu faktor utama kekalahan PAS di Kedah dan Perlis. Para pengundi yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai perkembangan politik semasa merasa takut dengan fitnah ini. PAS pula tidak sempat untuk membersihkan fitnah yang disebar. Hal ini disebabkan oleh kesuntukan masa kerana surat tersebut disebar pada malam sebelum pilihanraya dijalankan keesokan harinya.¹²

Di dalam Pilihanraya Umum 1964, keputusan yang diperolehi oleh PAS jauh lebih merosot dari sebelumnya. Di peringkat Parlimen, PAS hanya memperolehi 8 kerusi di Kelantan dan 1 di Terengganu. Di peringkat DUN, PAS cuma memperolehi 21 kerusi di Kelantan (berbanding 28 dari 30 kerusi pada tahun 1959) dan 3 kerusi di

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ *Warta Negara*, 19 Mei 1959.

¹² Badarudin bin Haji Md. Salleh, *loc. cit.*

Terengganu.¹³ Sokongan dari pengundi berkurang dan perhatian mereka beralih kepada pihak kerajaan.

Jadual 3 : Keputusan Pilihanraya Umum 1964 (Parlimen)¹⁴

Senarai Parti Yang Bertanding	Jumlah Kerusi Parlimen Yang Dimenangi
Parti Perikatan	89
Parti Islam Se-Tanah Melayu	9
Parti Sosialis	2
People Progressif Party	2
Parti Demokratik Bersatu	1
Parti Tindakan Demokrat	1

Senario Pilihanraya Umum 1969 telah menambah kembali majoriti sokongan rakyat terhadap PAS. Walaupun PAS telah kehilangan beberapa pemimpin kuatnya seperti Ustaz Zulkifli Muhammad yang telah meninggal dunia¹⁵ dan Dr. Burhanuddin al-Helmi telah ditahan di bawah ISA, sejarah kemenangan PAS di dalam Pilihanraya Umum 1959 seolah-olah berulang kembali. Menurut Alias Muhammad kemenangan ini bukan sahaja disebabkan oleh pengaruh nilai-nilai murni dan Islam yang dibawa

¹³ Temubual penulis dengan Ustaz Baharin bin Mohamad, 21 Disember 1999.

¹⁴ Suruhanjaya Pilihanraya Persekutuan, *Election Report-1964*.

¹⁵ Ustaz Zulkifli Muhammad telah meninggal dunia pada 6 Mei 1964 di dalam satu kemalangan yang berlaku di Batu 41/2 Jalan Kuantan Pahang. Beliau bersama-sama isterinya Ustazah Asiah Kamaruddin selaku Naib Ketua Dewan Muslimat PAS di dalam perjalanan pulang dari Bachok Kelantan ke rumahnya ayahnya di Kuala Kangsar, Perak.

oleh PAS, tetapi juga disokong oleh faktor persengketaan dan perpecahan sesama sendiri yang berlaku dalam Perikatan.¹⁶

PAS didapati menerima sokongan yang menggalakkan hampir disemua negeri. Pulau Pinang terpaksa diserahkan kepada GERAKAN sementara Kelantan tetap berada di tangan PAS. Terengganu hampir ditawan dan Perak serta Selangor menghadapi jalan buntu kerana menerima undi hampir sama banyak. Namun begitu, selang dua hari selepas keputusan pilihanraya diumumkan, darurat telah diisytiharkan di seluruh negara disebabkan tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Akibatnya, seluruh Parlimen dan DUN terpaksa dibubarkan dan pemerintahan negara diambil alih oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia.¹⁷

Jadual 4 : Keputusan Pilihanraya Umum 1969 (Parlimen)¹⁸

Senarai Parti Yang Bertanding	Jumlah Kerusi Parlimen Yang Dimenangi
Parti Perikatan	66
Parti Islam Se-Malaya	12
Parti Demokrat Rakyat	13
People Progressif Party	4
Parti Rakyat Malaysia	8

¹⁶ *UMNO Dua Puluh Tahun*, Buku Cenderamata UMNO, Kuala Lumpur : Ibu Pejabat UMNO, 1966, tanpa halaman. Alias Muhammad, *Kelantan : Politik dan Dilemma Pembangunan*, Kuala Lumpur : UM Press, 1975, hlm. 57.

¹⁷ Laporan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), *Tragedi 13 Mei*, Kuala Lumpur, 1969. Badarudin bin Haji Md. Salleh, *op. cit.*, hlm. 25.

¹⁸ Suruhanjaya Pilihanraya Persekutuan, *Election Report-1969*.

Di dalam catatan sejarah perjuangannya, PAS pernah membentuk Kerajaan Campuran bersama Perikatan mulai tarikh 1 Jun 1974. Walaupun terdapat kontroversi dari luar dan dalam parti, penyertaan ini tetap berjalan kerana empat prinsip murni seperti di bawah :¹⁹

1. Untuk memupuk dan mengekalkan satu bangsa Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.
2. Berusaha untuk mencapai pembangunan jasmani dan rohani dan mengekalkan Islam sebagai agama persekutuan, tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana juga di dalam persekutuan dan untuk menegakkan dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara.
3. Berusaha untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama.
4. Berusaha untuk mengeratkan lagi perhubungan di kalangan parti-parti anggota.²⁰

Bantahan bersyarat terhadap kerjasama PAS-Perikatan datangnya dari Saudara Amaluddin Darus selaku salah seorang Ahli Jawatan Kuasa Majlis Tertinggi PAS ketika itu. Menurut Amaluddin :

1. Rancangan ini adalah perangkap ke arah menghancurkan perjuangan Islam dan PAS di negara ini.
2. Bagaimanapun kerana perkara ini telah dibincangkan dan telah dipersetujui awal-awal lagi di luar keputusan Jawatankuasa Agung. Saya dapat bersetuju pada dasarnya, kerana di Malaysia memang tidak ada sebuah partai politik, seperti yang ada, dapat memerintah kerajaan pusat tanpa campuran.
3. Kerajaan Campuran Perikatan-PAS hendaklah setakat kerajaan Pusat, dan tidak melibatkan kerajaan Kelantan.

¹⁹ Subky Latif, *Barisan Nasional Digugat Dan Digigit*, Kuala Lumpur : Syarikat Usahawan Farook Subky, 1978, hlm. 25.

²⁰ *Peraturan Barisan Nasional – Fasal 4*, 9 Julai 1975.

4. Oleh kerana PAS ialah sebuah partai yang kedua besar pengaruhnya sesudah partai Perikatan di Semenanjung, PAS mesti mendapat tidak kurang dari dua jawatan Menteri yang mana satu daripadanya hendaklah Menteri Penerangan. Adapun yang satu lagi menteri apa-apa juaupun tidak mengapa.
5. Dato' Mohd. Asri selaku Yang Di Pertua PAS hendaklah tidak menyertai kabinet, yang akan menjadikan beliau berada di bawah Tun Abdul Razak, yang menjadi Perdana Menteri, sebagai Ketua Kabinet. Datuk Asri hendaklah sebagai Menteri Besar Kerajaan PAS Kelantan. Di mana dengan demikian tarafnya sama dengan Tun Razak sebagai seorang Ketua Partai.
6. PAS hendaklah menyusun diri kembali untuk menjadikan dirinya sebagai partai Muslimin yang berpolitik, sebagai ganti kepada bersikap seperti partai politik melulu.
7. PAS hendaklah mengemaskan organisasinya supaya pada masa pilihanraya yang akan datang, akan bertanding lagi bersendirian. Di mana sekiranya ditakdirkan oleh Allah, PAS dapat memenangi sejumlah kerusi di Malaysia Barat dan Malaysia Timur yang menjadikannya partai terbanyak ahli-ahli di dalam Dewan Rakyat. Maka pada masa itu pembentukan kabinet dan Perdana Menteri sudah tentu menjadi hak PAS untuk bertindak membentuk sebuah Kerajaan Campuran, di mana orang PAS yang akan menjadi Perdana Menteri Malaysia.²¹

Menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah, kerjasama yang dibuat antara PAS dan Perikatan adalah 'harus' berdasarkan kajian yang teliti menerusi Al-Quran dan Sunnah serta pendapat para Ulama. Pendapat yang dihasilkan adalah seperti berikut :

1. Memadangkan betapa perlunya umat islam di negeri ini bangun berjuang di dalam politik untuk mendapatkan kekuasaan.
2. Memikirkan kesanggupan umat Islam yang belum menjadi hak berkuasa Ashab al-Syaukah, maka mereka

²¹ Amaluddin Darus, *Kenapa Saya Tinggalkan PAS*, Kuala Lumpur : Harimau Press, 1977, hlm. 23.

- memilih perjuangan cara perlembagaan menurut undang-undang negeri.
3. Oleh kerana PAS sendiri menerima pilihanraya ala Barat yang dianjurkan oleh pihak Ashab al-Syaukah.
 4. Oleh kerana PAS taat setia dan menghormati perlembagaan negara dengan mematuhi perintah 'pengharaman kalimat 'Allah-Muhammad' dan 'Bulan-Bintang' sebagai lambang partinya.
 5. Oleh kerana ahli-ahli PAS yang berjaya dalam pilihanraya juga turut mengangkat sumpah dalam majlis-majlis undangan, menurut undang-undang negeri.
 6. Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang agama rasminya ialah Islam, walau apapun juga tafsirannya.
 7. Memandangkan perjuangan politik secara ideologi Islam di negeri ini adalah halal pada sisi undang-undang negeri dan ianya wajib pada sisi syariat Islam.
 8. Oleh kerana kepala negara bagi Malaysia mestilah dipilih dari antara raja-raja Melayu semuanya Muslim belaka.
 9. Oleh kerana raja-raja Melayu adalah Ashab as-Syaukah bagi urusan-urusan agama dan undang-undang tidak berhak campur secara langsung ke dalam urusan-urusan tersebut.
 10. Oleh kerana kepala negara adalah kuasa melantik hakim-hakim, juri-juri dan suruhanjaya-suruhanya bebas.
 11. Oleh kerana kepala negara adalah kuasa tertinggi di dalam masa darurat.
 12. Oleh kerana kepala negara adalah ketua segala angkatan tentera bagi negara ini.
 13. Oleh kerana ada bukti sejarah dan ilmiah bahawa undang-undang asal bagi negara ini ialah Undang-Undang Islam dan Malaysia boleh diisytiharkan sebuah negara Islam walaupun kesemua hukum Islam belum berjalan pada masa ini.
 14. Oleh kerana Kongres PAS ke 18 pada Julai 1972 telah memberi izin dan mandat untuk berunding mengenai penubuhan kerajaan campuran di semua peringkat.
 15. Oleh kerana Jawatankuasa Perunding PAS berpuas hati bahawa syarat-syarat dalam masalah ini dapat membawa Masalih al-Mursalah kepada umat islam di negara ini.
 16. Oleh kerana PAS diakui haknya untuk memperjuangkan konsep Ideologi Islam di dalam kerajaan campuran itu dari masa ke semasa.
 17. Oleh kerana PAS diberi 'kementerian' yang dikira boleh disalurkan konsep islam melaluinya.

18. Oleh kerana PAS diakui sebagai sebuah parti yang merdeka, bersendirian dan bukan jujuk atau unit di dalam partai yang berkuasa Ashab as-Syaukah.
19. Oleh kerana PAS dijamin haknya untuk menentang sebarang apa jua undang-undang atau cadangan yang berlawanan dengan Islam.
20. Oleh kerana tidak ada nas yang qat'ie atau dzanni dilalah yang cukup kuat dengan sepenuhnya mengharamkan.
21. Oleh kerana pucuk pimpinan dan Jawatankuasa Agung PAS yakin dan percaya bahawa masalah ini dapat dijadikan wasilah untuk menolak bahaya, untuk mengangkat kepayahan dan untuk membawa faedah bagi umat Islam ini.
22. Menimbang dan memikir serta memperhitungkan kesanggupan PAS dan suasana politik yang mengelilingi umat Islam di negara ini.²²

Menurut Ustaz Baharin bin Mohamad, hasil dari gabungan ini, pengaruh PAS menjadi semakin kuat. Di dalam Pilihanraya Umum 1974, beberapa orang calon PAS di peringkat Parlimen dan DUN berhasil memperolehi kemenangan. Malah ada di antara tokoh-tokoh PAS yang dilantik sebagai menteri dan timbalan menteri di dalam kabinet Malaysia pada ketika itu.²³

²² Abu Bakar Hamzah, *Parti PAS dan Tahalluf Siyasinya*, Kuala Lumpur : Media Cendekiawan, 1992, hlm. 22

²³ Temubual penulis dengan Ustaz Baharin bin Mohamad, 21 Disember 1999.

Jadual 5 : Keputusan Pilihanraya Umum 1974 (Parlimen)²⁴

Senarai Parti Yang Bertanding	Jumlah Kerusi Parlimen Yang Dimenangi
Parti Perikatan/Barisan Nasional	135
Democratic Action Party	9
Parti Keadilan Masyarakat	1
Parti Nasional Sarawak	9

Kerjasama PAS-BN membentuk Kerajaan Campuran tidak kekal lama kerana pada tahun 1977, PAS telah keluar secara resmi dari penggabungan tersebut.²⁵ Menurut Ustaz Baharin bin Mohamad, hal ini menunjukkan sikap tegas PAS, yang juga sebenarnya membayangkan pendirian PAS yang tidak sebulu dengan pihak BN terutamanya UMNO ekoran dari ideologi dan prinsip perjuangan yang dari asalnya memang berbeza. Dengan penarikan diri ini, PAS meneruskan perjuangan menggunakan caranya sendiri.²⁶

'Kerjasama Kongsi Kuasa' dengan BN menurut istilah Dato' Asri adalah satu strategi PAS di bawah kepimpinan beliau. Namun demikian, kerjasama ini telah menyebabkan terbahaginya beberapa kumpulan di

²⁴ Suruhanjaya Pilihanraya Persekutuan, *Election Report-1974*.

²⁵ Temubual penulis dengan Ustaz Baharin bin Mohamad, 21 Disember 1999. Subky Latif, *Kumpulan Fokus Subky Latif : Isu 1977 – "Selamat Jalan PAS"* (artikel), Watan – 16 Disember 1977, Kuala Lumpur : Syarikat Perniagaan Desa, 1978, hlm. 184.

²⁶ *Ibid.* Alias Mohamed, *Sejarah Perjuangan Parti PAS : Satu Dilemma*, Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., 1978, hlm. 109 – 113.

dalam PAS. Kumpulan pertama adalah penyokong Dato' Asri dan kumpulan kedua adalah penyokong Datuk Mohammad Nasir yang menjadi Menteri Besar Kelantan pada masa itu.

Kumpulan Datuk Mohammad Nasir telah mengadakan tunjuk perasaan pada 24 September 1977 di Padang Merdeka, Kota Bharu. Mereka membantah kumpulan penyokong Dato' Asri yang dikenali dengan nama 'Kumpulan 16' yang akhirnya menjadi 'Kumpulan 20', yang disertai oleh lebih lapan puluh ribu orang rakyat dari seluruh Kelantan.²⁷

Pada 19 Oktober 1977, satu lagi tunjuk perasaan telah diadakan. Kira-kira dua puluh ribu rakyat Kelantan berarak dari Padang Merdeka ke Pejabat Setiausaha Negeri menyatakan bantahan mereka terhadap pemecatan Datuk Mohammad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan. Akibatnya perintah berkurung telah diisytiharkan oleh pihak keselamatan yang akhirnya membawa kepada perisytiharan darurat di Kelantan. Sistem pemerintahan demokrasi di Kelantan telah digantung dan ditadbir secara *de facto* oleh kerajaan pusat. MAGERAN telah diisytiharkan di Kelantan pada 8 November 1977 sehingga 12 Februari 1978.²⁸

²⁷ Ibnu Hasyim, *PAS Kuasai Malaysia? 1950-2000, Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan*, Kuala Lumpur : GG Edar, 1993, hlm. 271.

²⁸ *Ibid.*, hlm. 272-273.

Menurut Abdul Malek bin Yusof, tindakan seperti itu wajar dilakukan oleh Kerajaan Pusat bagi memastikan terpeliharanya keamanan dan kesejahteraan rakyat. Tetapi apa yang dikesalkan ialah sebulan selepas itu, Kerajaan Pusat telah mengisytiharkan satu pilihanraya akan diadakan di Kelantan pada 11 Mac 1978. Di dalam pilihanraya tersebut, PAS telah dikalahkan oleh BN.²⁹

Di dalam pilihanraya tersebut, PAS berhasil memperolehi 11 kerusi DUN berbanding 43 kerusi DUN di seluruh negara pada Pilihanraya Umum 1974. Kerusi Parlimen yang diperolehi juga berkurang dari 14 kerusi pada Pilihanraya Umum 1974 kepada 5 kerusi sahaja pada pilihanraya tersebut.³⁰

Menurut Tuan Haji Abu Bakar bin Talib, bekas Setiausaha Agung PAS Jerantut 1988-1998, kekalahan PAS adalah kerana sikap kurang prihatin para pimpinan PAS menggunakan ruang dan peluang semasa dalam Kerajaan Campuran. Penyertaan PAS tidak dimanfaatkan

²⁹ Temubual penulis dengan Y.B. Abdul Malek bin Yusof, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Tahan. Menang di dalam Pilihanraya Umum ke 10-1999 sebagai calon Kawasan DUN Tahan. Beliau merupakan YDP PAS Kawasan Jerantut 1999-2001. Temubual dijalankan di rumahnya No. 86, Jalan Syukur, Bandar Jengka Pahang pada pukul 9.00 malam, 12 Disember 1999.

³⁰ Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, *Laporan Pilihanraya Kecil Peringkat Negeri Kelantan 1978*.

sepenuhnya untuk membantu parti bahkan masing-masing berebut jawatan untuk kepentingan peribadi.³¹

Menurut Mohamed Abu Bakar, pada akhir 1980-an, bahang kebangkitan Islam di seluruh dunia turut dirasakan di kalangan rakyat Malaysia.³² Situasi ini telah mengukuhkan kembali kedudukan PAS yang kelihatannya agak lemah sebelum ini. Kebangkitan PAS pada kali ini turut dipelopori oleh tokoh-tokoh muda berpendidikan tinggi yang boleh di anggap mempunyai semangat daya juang yang tinggi dan kental. Akhirnya di atas pengaturan beberapa strategi termasuklah bersetuju untuk bekerjasama dengan Parti Semangat 46 yang merupakan serpihan daripada UMNO; membentuk Angkatan Perpaduan Ummah, PAS telah berjaya menawan semula Kelantan dalam Pilihanraya Umum 1990.³³ APU telah memenangi 38 dari 39 kerusi DUN yang dipertandingkan seperti jadual di bawah :

³¹ Temubual penulis dengan Tuan Haji Abu Bakar bin Talib, 25 Disember 1999.

³² Mohamed Abu Bakar, *'Kebangkitan Islam dan Proses Politik di Malaysia'* (kertas kerja), Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, 8-9 Sept 1979, hlm. 25.

³³ *Ibid.*

Jadual 6 : Keputusan Pilihanraya Umum 1990 (Parlimen)³⁴

Senarai Parti Yang Bertanding	Jumlah Kerusi Parlimen Yang Dimenangi
Parti Barisan Nasional	127
Parti Islam Se-Malaysia	7
Parti Semangat 46	8
Democratic Action Party	20
Parti Bersatu Sabah	14
Parti Bebas	4

Jadual 7 : Keputusan Pilihanraya Umum 1990 (Parlimen)³⁵

Senarai parti Yang Bertanding	Jumlah Kerusi Parlimen Yang Dimenangi
Parti Barisan Nasional	127
Parti Islam Se-Malaysia	7
Parti Semangat 46	8
Democratic Action Party	20
Parti Bersatu Sabah	14
Parti Bebas	4

Melihat kepada senario perkembangan PAS yang lahir dari sebuah persatuan Islam sehingga bertukar menjadi sebuah pertubuhan/parti politik yang semakin berpengaruh, telah menunjukkan PAS pernah melalui masa perkembangannya yang sangat unik dan menarik untuk dibuat kajian. Perkembangannya dari peringkat pusat ke peringkat negeri seterusnya ke peringkat daerah sudah tentu melalui senario perjalanan sejarah yang panjang serta perkembangan yang luas. Latar belakang inilah yang memberikan dorongan kepada penulis untuk membuat penyelidikan terperinci berbentuk ilmiah mengenai PAS di kawasan

³⁴ *Berita Harian*, 23 Oktober 1990.

³⁵ *Ibid*.

tempat lahir penulis sendiri iaitu Kawasan Parlimen Jerantut (seterusnya akan disebut PAS Jerantut), di Negeri Pahang Darul Makmur.

B. Pembatasan Dan Perumusan Masalah

Oleh kerana aspek pengkajian mengenai tajuk "Parti Islam Se-Malaysia (PAS); Suatu Kajian Tentang Sejarah Perkembangannya Di Jerantut, Pahang Darul Makmur" sangat luas, penulis telah membatasi serta merumuskan bahawa hanya beberapa masalah sahaja yang akan dikaji iaitu :

1. Bagaimanakah proses awal tertubuhnya PAS di Malaysia ?.

Di samping melihat kepada tujuan dan matlamat penubuhan, penulis juga akan cuba membahas prinsip dan dasar penubuhan PAS itu sendiri.

2. Bagaimanakah hubungan PAS dengan UMNO (Barisan Nasional) dahulu hingga sekarang?.

3. Bagaimanakah latar belakang sejarah awal tertubuhnya PAS di Negeri Pahang ?.

Aspek-aspek yang akan ditumpukan ialah bagaimanakah proses yang dihadapi sehingga tertubuhnya PAS di Pahang serta beberapa perubahan dari segi corak kepemimpinan.

4. Bagaimanakah latar belakang sejarah awal tertubuhnya PAS di Jerantut ?.

Aspek-aspek yang akan di tumpukan ialah bagaimanakah proses yang di hadapi sehingga tertubuhnya PAS Jerantut serta beberapa perubahan dari segi lokaliti kawasan sehingga terdapat hanya tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), dari jumlah asalnya lima.

5. Siapakah di antara tokoh-tokoh setempat yang menjadi pengasas awal PAS Jerantut ?
6. Siapakah di antara tokoh-tokoh setempat yang telah membawa pembangunan serta kemajuan kepada PAS Jerantut ?
7. Sejauh manakah pengaruh PAS berkembang dikalangan masyarakat Islam Jerantut ?.

Penulis akan melihat perkembangan PAS Jerantut dari sudut pengelibatan masyarakat setempat terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Aspek pengelibatan PAS di dalam Pilihanraya Umum yang telah diadakan juga akan cuba di ketengahkan.

8. Sejauh manakah perkembangan/kejayaan PAS Jerantut di dalam Pilihanraya Umum yang terdahulu ?

Kajian akan cuba melihat faktor-faktor kelemahan yang membawa kepada kurangnya pengaruh PAS di kalangan masyarakat Jerantut. Selain itu, penulis juga akan cuba melihat sebab-sebab kekalahan calon PAS di dalam beberapa Pilihanraya Umum yang diadakan sama ada di peringkat Parlimen ataupun DUN.

9. Apakah strategi dan persiapan PAS Jerantut bagi menghadapi Pilihanraya Umum yang akan datang ?

Kajian tidak akan menyentuh konflik antara parti (PAS dan UMNO) atau konflik dalaman parti secara khusus. Kajian juga tidak akan membuat satu perbandingan khusus antara PAS dan parti-parti lain terutamanya UMNO. Oleh itu kajian ini hanya meliputi perkara yang berlaku dan yang akan dilakukan oleh PAS Jerantut sahaja.

10. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh PAS Jerantut ?.

Selain menampilkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, penulis juga akan menyelidiki masalah-masalah yang di hadapi oleh PAS Jerantut. Kajian hanya akan menyentuh masalah luaran dan tidak akan menyentuh masalah dalaman PAS Jerantut itu sendiri. Penulis juga akan cuba memberikan beberapa saranan sebagai langkah penyelesaian masalah itu untuk kemajuan PAS Jerantut itu sendiri.

C. Tujuan Penyelidikan

1. Penyelidikan dibuat untuk melihat secara ringkas sejarah dan perkembangan PAS di peringkat pusat.
2. Penyelidikan dibuat untuk melihat secara ringkas sejarah dan perkembangan PAS di peringkat Negeri Pahang.
3. Penyelidikan ini dibuat untuk melihat sejarah dan perkembangan PAS Jerantut hingga kini. Perbincangan mengenai sejarah adalah berdasarkan realiti dan fakta sejarah yang ada sementara perbincangan mengenai perkembangannya adalah berdasarkan pada pengalaman di dalam pilihanraya umum yang telah ditempuhi, peningkatan pengaruh di kalangan masyarakat setempat dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.
4. Kajian dibuat untuk mengetahui perancangan masa depan PAS Jerantut. Di samping itu penulis juga ingin meninjau usaha, langkah-langkah, persiapan dan komitmen ahli serta barisan kepimpinan PAS Jerantut dalam menjalankan jentera pilihanraya umum yang terdahulu dan akan datang.

5. Kajian ini dibuat agar penulis mengetahui segala cabaran dan permasalahan yang di hadapi oleh PAS Jerantut. Penulis akan cuba memberikan beberapa saranan dan buah fikiran bagi tujuan pembaikan demi perkembangan PAS Jerantut itu sendiri.
6. Sebagai parti yang berasaskan Islam, PAS tidak dapat lari dari menjalankan aktiviti sosial kemasyarakatan dan kepartian di kalangan masyarakat. Secara tidak langsung, kajian ini juga bertujuan untuk meninjau sejauh mana usaha dan komitmen serta penyertaan barisan kepimpinan PAS Jerantut memperluaskan aktiviti dan pengaruhnya di kalangan ahli dan masyarakat setempat.
7. Kajian ini dibuat bagi memenuhi syarat pengajian penulis di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya untuk mendapatkan gelar Sarjana dalam Bahagian Pengajian Usuluddin.

D. Metodologi

1. Pengertian Metodologi

Perkataan "metodologi" memberi maksud ilmu yang membicarakan tentang tata cara melakukan penelitian.³⁶ Ianya berasal dari kata Yunani yang digabungkan iaitu "metodos" yang bererti cara; dan "logos" yang bererti ilmu.³⁷ Di dalam bidang penulisan ilmiah, metodologi memainkan peranan yang penting kerana ia adalah merupakan cara bagaimana untuk memahami bidang yang menjadi sasaran penulisan oleh penulis.³⁸

Di dalam penyelidikan dan penulisan desertasi ini, penulis akan menggunakan beberapa metod untuk memperolehi data-data dan maklumat yang diperlukan. Metod yang dimaksudkan ialah :

- Metod Pengumpulan Data
- Metod Analisis Data

³⁶ Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, 1982, hlm. 6.

³⁷ Koentjaraningrat (ed), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : P.T. Gramedia, 1977, hlm. 16.

1.1. Metod Pengumpulan Data

Metod ini adalah merupakan suatu usaha yang di lakukan dengan cara mengumpulkan data dan penafsiran terhadap data yang terkumpul.³⁹ Dalam proses mengumpulkan data bagi penelitian ini, penulis akan menggunakan beberapa metod yang dirasakan perlu bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Metod tersebut ialah :

1.1.1. Metod Historis

Ia merupakan salah satu metod pengumpulan data yang bermaksud satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian.⁴⁰ Metod ini digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai-nilai sejarah.

Metod ini digunakan oleh penulis dengan meluas seperti pada bahagian latar belakang masalah dan sejarah penubuhan PAS di Malaysia secara umum serta di Kawasan Parlimen Jerantut secara khusus; pimpinan-pimpinan yang membawa kepada penubuhan dan

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Abdul Halim bin Mat Diah, *Falsafah Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia* (Desertasi, Ph.D), Yogyakarta : Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sunan Kalijogo, 1986, hlm. 111.

⁴⁰ Imam Barnadib, *op. cit.*, hlm. 52

perkembangan yang berlaku kepada PAS sebelum dan sesudah Malaysia mencapai kemerdekaan.

Untuk memperoleh data-data tersebut, penulis akan menggunakan dokumen-dokumen yang ada kaitannya dengan PAS seperti buku-buku, majalah-majalah, akhbar-akhbar, risalah terbitan yang menghuraikan mengenai perjalanan PAS.

1.1.2. Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi ialah satu cara pengumpulan data dengan melakukan kejian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang diteliti.⁴¹ Dokumen pula ialah bahan bertulis yang dapat memberikan berbagai jenis keterangan.⁴² Dokumen terdiri dari dari gambar, potret, kumpulan hukum-hukum, keputusan penyelidikan dan sebagainya.⁴³ Ia juga meliputi autobiografi, surat-surat

⁴¹ Charles Issawi, *Filsafat Islam Tentang Sejarah* (terj. Dr. A. Mukti Ali), Jakarta : Tinta Mas, 1962, hlm. 36.

⁴² *Ibid.*

⁴³ Imam Barnadib, *op. cit.*, hlm. 55.

peribadi, buku-buku atau catatan harian, memoir, surat khabar, cerita roman serta cerita rakyat.⁴⁴

Di dalam penulisan ini penulis menggunakan metod ini untuk mendapatkan data yang bersangkutan dari Bab Satu hingga Bab Lima. Selain dari menyelidik dan mentelaah buku-buku, majalah-majalah, surat khabar serta risalah-risalah berkaitan, penulis juga tidak lupa mengambil rujukan dari pihak Arkib Negara Malaysia, Suruhanjara Pilihanraya Malaysia, Pejabat Perhubungan PAS yang berkenaan serta Pejabat Perhubungan UMNO yang berkenaan.

1.1.3. Metod Interview (wawancara)

Metod Interview (wawancara) merupakan cara yang di gunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden dengan bercakap berhadapan muka dengan orang-orang tersebut.⁴⁵ Melalui metod ini, penulis berkeyakinan penuh akan dapat memperolehi data dengan cepat dan tepat dari seorang responden.⁴⁶

⁴⁴ Koentjaraningrat, *op. cit.*, hlm. 16.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 16.

⁴⁶ Teknik sumber lisan ini telah diperbincangkan oleh Nadzan Haron, 'Suatu Pandangan Awal Terhadap Sejarah Lisan Dalam Konteks Pengkajian Sejarah Awal Malaysia', JEBAT, bil. 9, 1979/80, hlm. 44-58.

Sebelum interview di adakan, penulis terlebih dahulu akan menyediakan "interview guide" dan akan menyusun "questionnaire" supaya data yang diperoleh tidak akan ketinggalan atau tercicir.

1.1.4. Metod Observasi

Penulis menggunakan metod ini pada masa pemilihan judul untuk menentukan sama ada observasi ini akan dapat dilakukan mengikut kemampuan penulis atau sebaliknya.

1.2. Metod Analisis Data

Setelah data-data yang diperlukan telah diperolehi dan terkumpul, penulis akan menganalisa data-data tersebut untuk mendapatkan kesimpulan atau hasil pengkajian, dibantu pula dengan metod-metod seperti di bawah :

- ❑ Metod Induktif
- ❑ Metod Deduktif
- ❑ Metod Komparatif

1.2.1. Metod Induktif

Merupakan satu penganalisan data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.⁴⁷ Di dalam penulisan tesis ini, penulis akan menggunakan metod ini dengan menghuraikan beberapa aspek mengenai PAS seperti latar belakang masalah dan sejarah penubuhan, perkembangan sebelum dan sesudah merdeka dan tokoh-tokoh tertentu, kemudian penulis akan merangkum aspek-aspek tersebut menjadi satu rumusan umum tentang PAS . Begitu juga pada bahagian yang lain.

1.2.2. Metod Deduktif

Metod ini berlawanan dengan metod induktif iaitu merupakan penganalisan data berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian yang berpijak kepada dalil-dalil umum terhadap dalil khusus.⁴⁸ Dalam penulisan ini, penulis akan menganalisa data-data umum yang di perolehi, seperti aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PAS Jerantut, kemudian membuat kesimpulan dari data itu dan hasilnya akan diperolehi sama ada ia mendukung perkembangan PAS atau tidak.

⁴⁷ Imam Barnadib, *op. cit.*, hlm. 32.

⁴⁸ *Ibid.*, hlm. 52.

1.2.3. Metod Komparatif

Merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperoleh dalam masa penelitian dilakukan.⁴⁹ Data yang diperoleh akan dikaji dan seterusnya dibuat perbandingan untuk mendapatkan kesimpulan atau keputusan dari kajian.

E. Susunan Penulisan

Penulis akan menyusun penulisan desertasi ini menjadi lima bab seperti huraian di bawah :

Di dalam Bab Satu iaitu Pendahuluan, penulis akan memulakan dengan kajian latar belakang masalah, kemudian pembatasan dan perumusan masalah, tujuan penyelidikan, metodologi iaitu metod-metod yang akan digunakan dalam penulisan ini, serta sistematika penulisan dari Bab Satu hingga Bab Lima.

⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 54.

Di dalam Bab Dua penulis akan cuba mengkaji mengenai latar belakang sejarah penubuhan PAS di Malaysia. Penulisan di dalam aspek ini dibahagikan kepada empat elemen penting iaitu Kongres Alim Ulama Pan Malaya, Persatuan Islam Se-Malaya, Kongres PAS dan Pendaftaran dan Pertukaran Nama PAS. Penulis juga akan menyertakan latar belakang sejarah politik di Pahang mulai pertengahan abad ke 19 hingga ke pertengahan abad ke 20 yang membawa kepada penubuhan PAS di Negeri Pahang, ekoran dari penubuhan PAS di peringkat pusat. Selain itu penulis akan memuatkan aspek-aspek mengenai tujuan penubuhan, prinsip atau dasar penubuhan serta matlamat perjuangan PAS. Penulis juga ingin melihat aspek hubungan di antara PAS dan UMNO.

Di dalam Bab Tiga, penulis akan memulakan kajian dengan pendedahan tentang lokaliti kawasan kajian (Jerantut). Kemudian penulis mula menjuruskan kajian dari sudut latar belakang sejarah serta beberapa perubahan yang berlaku dari sudut pembahagian kawasan Parlimen dan DUN di Jerantut. Penulis juga akan melihat sejauh manakah berkembangnya pengaruh PAS di kalangan masyarakat Jerantut. Beberapa masalah yang dihadapi oleh PAS Jerantut akan turut diketengahkan.

Di dalam Bab Empat, penulis akan meninjau perkembangan PAS Jerantut di dalam Pilihanraya Umum yang lalu. Penulis juga akan cuba

meninjau strategi serta persiapan PAS Jerantut untuk menghadapi Pilihanraya Umum yang akan datang. Selain itu, penulis juga akan meninjau perkembangan aktiviti yang dijalankan di kalangan ahli dan masyarakat setempat seperti usrah, ziarah, ceramah mingguan dan Badan Amal Nisa wal Banat. Akhirnya penulis akan cuba memberikan ramalan tentang masa depan PAS Jerantut.

Bab Lima merupakan penutup yang merangkumi beberapa kesimpulan serta saranan

Di akhir kajian ini, penulis juga menyertakan daftar pustaka serta lampiran-lampiran.